

26/05/2001

Seminar khas untuk Bumiputera hadapi Afta

KOTA BHARU, Jumaat - Kerajaan merancang mengadakan seminar khas mengenai globalisasi dan liberalisasi kepada usahawan Bumiputera sebagai persediaan menghadapi pembukaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) pada 2003.

Seminar itu akan diadakan dengan kerjasama Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dengan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) bagi mendedahkan secara mendalam kepada Bumiputera mengenai Afta.

Penasihat MTEN, Datuk Mustapa Mohamed, berkata secara umumnya kerajaan mendapati masyarakat Bumiputera belum memahami sepenuhnya konsep globalisasi dan liberalisasi serta cabarannya apabila Afta dibuka.

Katanya, usahawan bukan Bumiputera dilihat lebih memahami mengenai konsep itu dan sudah melakukan persiapan perlu untuk merebut peluang dalam Afta.

"Sebab itu, dalam pemerhatian kita (kerajaan), secara umumnya masyarakat Bumiputera kurang faham konsep globalisasi, cabaran serta masalah mungkin timbul (apabila Afta dibuka).

"Menyedari masalah itu, kita merancang mengadakan satu seminar iaitu kerjasama MTEN dan DPMM dalam tempoh sebulan ini bagi memperincikan perkara ini (globalisasi dan liberalisasi) supaya Bumiputera faham konsep dan seterusnya mempersiapkan diri menghadapi cabaran itu (Afta).

"Jadi, jika usahawan Bumiputera tidak mempersiapkan diri, kita (Bumiputera) mungkin menghadapi masalah besar dalam Afta," katanya kepada pemberita selepas memberi ucapan pada Konvensyen Industri Kecil dan Sederhana (IKS) anjuran Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Kelantan (DPMMNK), di sini hari ini.

Konvensyen dua hari itu dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Turut hadir Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Paduka Abdul Halim Abdul Rahman dan Yang Dipertua DPMMNK, Nik Abdul Rahman Nik Taib dan dihadiri kira-kira 500 peserta termasuk wakil dari Thailand dan Brunei.

Pada majlis itu, Abdulah dan Abdul Halim turut menyaksikan tiga majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) membabitkan Permodalan DPMM Negeri Kelantan Sdn Bhd dengan Yala Farm Co (Ltd) dan DPMM Negeri Kelantan dengan Siam Cement Trading dan DPMM Negeri Kelantan dengan DPMM Negeri Johor.

Mustapa berkata, antara punca masyarakat usahawan Bumiputera terutama yang terbabit dalam sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kurang memahami untuk menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi, adalah mereka masih bergantung kepada projek dan kontrak kerajaan.

Katanya, bagi bidang kontrak pembekalan makanan misalnya, masih ramai usahawan Bumiputera bergantung kepada kontrak kerajaan.

Menurutnya, jika pasaran dibuka, usahawan Bumiputera bukan saja tidak mampu bersaing dengan usahawan luar negara tetapi juga dengan bukan Bumiputera.

"Budaya ini perlu diubah dan kerajaan harus mendedahkan lebih ramai usahawan Bumiputera kepada persaingan dengan memberi kesedaran mengenai cabaran dan peluang-peluang mungkin timbul dalam Afta," katanya.

Mustapa berkata, Bumiputera masih jauh ketinggalan dalam bidang tertentu termasuk perniagaan dalam negeri.

"Jadi, ini satu cabaran kepada usahawan Bumiputera mempersiapkan diri kerana apabila pasaran global dibuka, mereka perlu tingkatkan daya saing

dan mampu mengambil peluang yang ada di luar negara," katanya.
(END)